



Ruj. Kami : JPK/702/1/9 Jld.7 (48)

Tarikh : 5 Jun 2017

PENGURUS
INSTITUT SUNRISE
LOT 13A, BLOK C
LOK KAWI POINT
JALAN PAPAR BARU
89600 PAPAR
SABAH

Tuan,


**KELULUSAN PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT PENTAULIAHAN
- PELAKSANAAN MOD LATIHAN SEPARUH MASA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal I yang bersidang pada 26 Mei 2017 telah meluluskan permohonan tuan untuk menjalankan program separuh masa berdasarkan maklumat pelaksanaan latihan separuh masa yang telah dikemukakan. Program yang dibenarkan adalah seperti berikut :

| Bil | Kod Program | Nama Program | Tempoh Latihan | Jadual Pelaksanaan |
|-----|---------------|---|---|--|
| 1 | EE-021-2:2012 | Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik | Jumlah Jam : 1296 Jam (72 Minggu) | Selasa & Khamis 6.00 ptg - 9.00 mlm Sabtu & Ahad 8.30 pg - 4.30 ptg |
| 2 | IT-020-3:2013 | Operasi Sistem Komputer | Jumlah Jam : 1296 Jam (72 Minggu) | Selasa & Khamis 6.00 ptg - 9.00 mlm Sabtu & Ahad 8.30 pg - 4.30 ptg |
| 3 | FB-024-2:2012 | Pengurusan Pejabat | Jumlah Jam : 897 Jam (39 Minggu) | Selasa & Khamis 6.00 ptg - 9.00 mlm Sabtu & Ahad 8.30 pg - 4.30 ptg |

(Sila catitkan rujukan Jabatan ini apabila menjawab)




3. Dengan kelulusan ini, pihak tuan telah bersetuju untuk mematuhi Seksyen 23, 24, 26, 27 dan 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) serta apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.
4. Jabatan ini boleh membuat pemeriksaan ke atas pusat bertauliah pada bila-bila masa seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 38 dan 39 Akta 652.
5. Pihak tuan juga diingatkan bahawa penggantungan atau pembatalan sijil pentaualihan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 29 Akta yang sama boleh dikenakan sekiranya pihak tuan gagal mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi'

Saya yang menurut perintah,



(NIDZAM BIN KAMARULZAMAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia